

# Syor lantik hakim syarie wanita di setiap negeri

→ Iktiraf kelayakan kendali kes berkaitan kekeluargaan

Oleh Nor Hatina Shuib  
hatina@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**M**ahkamah Syariah di setiap negeri disaran melantik hakim syarie dalam kalangan wanita sebagai pengiktirafan kepada mereka yang layak dalam mengendalikan kes berkaitan kekeluargaan.

Pelantikan itu juga sebagai pengiktirafan kepada kebolehan dan kelayakan yang mereka miliki dalam mengendalikan kes.

Setakat ini, 10 hakim syarie wanita termasuk satu jawatan kontrak di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri dilaksanakan di beberapa negeri. Antaranya di Melaka, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Selangor, Perlis, Sabah dan Pahang.

## Miliki kelayakan sama

Profesor Undang-Undang Wanita, Keluarga dan Kanak-Kanak Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Noor Aziah Mohd Awal, berkata beliau menyokong usaha meletakkan wanita sebagai hakim syarie di setiap negeri memandangkan wanita memiliki kelayakan yang sama.

Bagi usaha menyokong penyeritaan wanita dalam bidang itu, beliau berkata, pihaknya sudah mengambil inisiatif melaksanakannya menerusi kempen dengan membuat penyelidikan hakim syarie wanita hanya tidak boleh membicarakan kes hudud dan men-

jadi wali hakim.

Pelantikan wanita sebagai hakim Syarie katanya, tidak bertentangan dengan hukum. Pemilihan ini juga tidak menimbulkan masalah kerana Indonesia sudah lama ada hakim wanita mengendalikan kes syariah dalam pengadilan agamanya.

"Usaha ini juga bermula dengan penulisan dan menyuarakan secara peribadi kepada penyedia dasar dan pemimpin membicarakan cadangan ini," katanya ketika dihubungi BH di sini, semalam.

Pada pertengahan 2010 lalu, buat pertama kali, dua wanita dilantik sebagai Hakim Mahkamah Syariah di negara ini, iaitu Suraya Ramli dan Rafidah Abdul Razak.

Masing-masing dilantik sebagai Hakim Syarie Mahkamah Syariah di Putrajaya dan Hakim Syarie Mahkamah Syariah di Kuala Lumpur.

"Kajian bersama Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) mengenai Konvensyen

Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) pada 2007, mendapati tiada halangan melantik wanita sebagai hakim syarie dalam enakmen undang-undang," katanya.

Beliau berkata, pembabitan wanita dalam memegang tanggungjawab itu tidak salah berikutan Islam melihat wanita dan lelaki berbeza dari fizikal dan biologi, namun kedua-duanya mempunyai peranan sama penting dalam pembangunan masyarakat.

## Pelantikan secara terbuka

"Perbezaan ini sering ditafsir sebagai berat sebelah, tetapi sebenarnya berlandaskan hukum dan keadilan dengan memberi perhatian kepada sifat fitrah antara lelaki dan wanita," katanya.

Beliau berharap sebarang pelantikan dapat dibuat secara terbuka dengan mengambil kira calon terbaik dalam kalangan pegawai atau peguam syarie sedia ada.



Pelantikan wanita sebagai hakim Syarie, tidak bertentangan dengan hukum. Pemilihan ini juga tidak menimbulkan masalah kerana Indonesia sudah lama ada hakim wanita kendalikan kes syariah dalam pengadilan agamanya"

Noor Aziah Mohd Awal,  
Profesor Undang-Undang  
Wanita, Keluarga  
dan Kanak-Kanak Fakulti  
Undang-Undang UKM